

TERMA DAN SYARAT GERAN DIGITAL PERUSAHAAN MIKRO, KECIL DAN SEDERHANA (PMKS) MADANI (GDPM)

Bil	Perkara	Keterangan
1	Pengenalan	<p>a) Geran Digital Perusahaan Mikro Kecil dan Sederhana (PMKS) Madani adalah geran inisiatif yang disediakan oleh Kementerian Kewangan Malaysia dengan kerjasama Bank Simpanan Nasional (BSN), Malaysia Digital Economy Corporation Sdn Bhd (MDEC) & Malaysian Communications and Multimedia Commission (MCMC) bagi membantu PMKS untuk menggunakan perkhidmatan digital dalam operasi perniagaan harian (“Inisiatif”).</p> <p>b) Inisiatif ini ditawarkan kepada PMKS di bawah Belanjawan Madani 2025 bagi mendapatkan akses kepada perkhidmatan digital daripada pembekal perkhidmatan yang dilantik. Tawaran Inisiatif ini juga telah dilanjutkan kepada sektor Koperasi dan Penyedia Perkhidmatan Profesional (contoh: peguam, akauntan, doktor, doktor gigi, jurutera, ahli farmasi, jururawat).</p> <p>c) Jumlah dana yang diperuntukkan oleh Kementerian Kewangan Malaysia melalui BSN, sebagai bank pembayar, untuk setiap PMKS / Koperasi / Penyedia Perkhidmatan Profesional yang layak adalah 50% daripada jumlah inbois daripada pembekal perkhidmatan yang telah dilantik atau sehingga RM5,000.00 (Ringgit Malaysia Lima Ribu) sahaja bagi membantu melaksanakan proses pendigitalan serta lain-lain perkhidmatan yang disenaraikan di dalam Inisiatif ini.</p> <p>d) Jika inbois daripada pembekal perkhidmatan yang telah dilantik adalah berjumlah RM10,000.00 (jumlah maksimum), jumlah geran yang layak diterima oleh PMKS / Koperasi / Penyedia Perkhidmatan Profesional di bawah Inisiatif ini adalah sebanyak RM5,000.00. Sekiranya jumlah inbois</p>

TERMA DAN SYARAT GERAN DIGITAL PERUSAHAAN MIKRO, KECIL DAN SEDERHANA (PMKS) MADANI (GDPM)

		daripada pembekal perkhidmatan yang telah dilantik adalah kurang daripada RM10,000.00, jumlah geran yang layak diterima oleh PMKS / Koperasi / Penyedia Perkhidmatan Profesional di bawah Inisiatif ini adalah 50% daripada jumlah inbois tersebut. Manakala bagi inbois yang melebihi RM10,000.00, PMKS / Koperasi / Penyedia Perkhidmatan Profesional hendaklah membayar jumlah perbezaan selepas mengambil kira jumlah maksimum geran sebanyak RM5,000.00 sahaja.
2	Amaun	50% daripada jumlah yang diinbois daripada pembekal perkhidmatan yang telah dilantik atau sehingga RM 5,000.00 (Ringgit Malaysia Lima Ribu) sahaja (“Tawaran”) bagi melaksanakan proses pendigitalan serta lain-lain perkhidmatan yang disenaraikan di dalam Inisiatif ini.
3	Geran Padanan	a) Tidak layak kepada PMKS yang telah menerima Geran Padanan Pendigitalan terdahulu KECUALI bagi permohonan perkhidmatan Invois Elektronik. b) Geran padanan ini tertakluk kepada maksimum RM5,000 bagi setiap PMKS. c) PMKS dibenarkan untuk memohon sehingga tiga (3) jenis Perkhidmatan Digital (seperti di bawah) dengan satu atau lebih pembekal Perkhidmatan Digital yang dilantik.
4	Perkhidmatan Digital	a) <u>Pemasaran Digital / Jualan</u> Perkhidmatan pemasaran digital yang menawarkan pemasaran produk atau perkhidmatan di internet, melalui aplikasi, paparan iklan dan mana-mana medium digital lain.

TERMA DAN SYARAT GERAN DIGITAL PERUSAHAAN MIKRO, KECIL DAN SEDERHANA (PMKS) MADANI (GDPM)

	<p>b) <u>Pembayaran Digital / Sistem Elektronik Point of Sale (e-POS)</u> Penggunaan perisian seperti <i>Point-Of-Sale</i> untuk memudahkan operasi syarikat.</p> <p>c) <u>Sistem Penggajian Sumber Manusia (HR) / Customer Relationship Management (CRM)</u> Satu sistem bagi memudahkan dan mengurus proses dan prosedur penggajian syarikat dan sebarang perkara yang berkaitan dengan sumber manusia.</p> <p>d) <u>Enterprise Resource Planning (ERP) / Perakaunan & Cukai</u> Perkhidmatan pangkalan data yang menyokong proses dan operasi termasuk pembuatan pemasaran, kewangan dan sumber manusia.</p> <p>e) <u>Tandatangan Digital</u> Tandatangan digital adalah tandatangan elektronik yang digunakan untuk mengesahkan identiti penghantar/penandatangan sesuatu mesej dan digunakan bagi memastikan sesuatu maklumat adalah betul dan sah di dalam transaksi elektronik.</p> <p>f) <u>Internet Of Things / Sistem Pintar</u> Platform ekosistem yang terdiri dari aplikasi multi fungsi untuk kecemerlangan perniagaan</p> <p>g) <u>Keselamatan Siber</u> Keselamatan siber dalam menangani ancaman siber yang berlaku merangkumi jenayah siber, ketirisan maklumat berperingkat, <i>hacktivism</i>, kerentanan teknologi serta</p>
--	---

TERMA DAN SYARAT GERAN DIGITAL PERUSAHAAN MIKRO, KECIL DAN SEDERHANA (PMKS) MADANI (GDPM)

		<p>kandungan internet yang berbahaya.</p> <p>h) <u>Kecerdasan Buatan</u> Kecerdasan Buatan merujuk kepada keupayaan mesin atau sistem komputer untuk melaksanakan tugas yang biasanya memerlukan kecerdasan manusia, seperti membuat keputusan, memahami bahasa, mengenali gambar, dan menyelesaikan masalah.</p> <p>i) <u>Invois Elektronik</u> Invois Elektronik ialah invois dalam bentuk digital yang dihantar, diterima dan disimpan secara elektronik antara penjual dan pembeli, serta boleh dihantar terus kepada sistem Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) untuk pengesahan.</p>
5	Segmen Sasaran	<p>a) Perkhidmatan Makanan dan Minuman (F & B)</p> <p>b) Peruncitan</p> <p>c) Penjagaan Kesihatan</p> <p>d) Perkhidmatan Profesional</p> <p>e) Pertanian Pintar</p>
6	Kelayakan	<p>a) PMKS / Koperasi / Penyedia Perkhidmatan Profesional dimiliki oleh sekurang-kurangnya 60% warganegara Malaysia.</p> <p>b) PMKS berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) / Lesen Perniagaan dengan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan juga terbuka kepada Koperasi yang berdaftar dengan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) dan Penyedia Perkhidmatan Profesional yang berdaftar di bawah badan berkanun atau pihak kawal selia masing-masing.</p>

TERMA DAN SYARAT GERAN DIGITAL PERUSAHAAN MIKRO, KECIL DAN SEDERHANA (PMKS) MADANI (GDPM)

		<p>c) PMKS / Koperasi / Penyedia Perkhidmatan Profesional telah beroperasi sekurang-kurangnya enam (6) bulan.</p> <p>d) PMKS / Koperasi / Penyedia Perkhidmatan Profesional mempunyai purata jualan tahunan sekurang-kurangnya RM50,000.</p>
7	Dokumen	<p>a) Salinan kad pengenalan atau pasport Pemilik / Pengarah / Rakan Kongsi PMKS / wakil yang dilantik oleh Koperasi / Penyedia Perkhidmatan Profesional, yang mana berkenaan.</p> <p>b) Salinan lesen pendaftaran PMKS, (SSM atau lain-lain borang seumpamanya di bawah Akta Syarikat 2016) manakala bagi Koperasi, salinan sijil pendaftaran Suruhanjaya Koperasi Malaysia dan bagi Penyedia Perkhidmatan Profesional, sijil pendaftaran daripada badan berkanun atau pihak kawal selia yang berkenaan.</p> <p>c) Penyata akaun beraudit terkini atau penyata akaun pengurusan kewangan terkini atau penyata bank PMKS untuk dua (2) bulan terakhir.</p> <p>d) Sebut harga / inbois pembayaran daripada pembekal perkhidmatan yang telah dilantik.</p> <p>e) Dokumen dan maklumat lain yang diperlukan oleh pihak BSN dari semasa ke semasa.</p>
8	Mekanism Inisiatif	<p>a) PMKS hendaklah berkomunikasi dan melantik salah satu atau lebih panel pembekal perkhidmatan untuk melaksanakan mana-mana Perkhidmatan Digital (maksimum tiga (3) Perkhidmatan Digital).</p>

**TERMA DAN SYARAT GERAN DIGITAL PERUSAHAAN MIKRO, KECIL DAN
SEDERHANA (PMKS) MADANI (GDPM)**

	<p>b) PMKS hendaklah mengemukakan permohonan melalui platform <i>online</i> yang telah disediakan.</p> <p>c) Sekiranya sebarang maklumat yang diberikan didapati tidak tepat dan/atau palsu, pihak BSN mempunyai hak untuk meminta dokumen tambahan daripada PMKS dan/atau menolak permohonan PMKS.</p> <p>d) Dalam tempoh empat belas (14) hari setelah permohonan PMKS diluluskan, PMKS perlu membayar jumlah perbezaan kepada pembekal perkhidmatan bagi keseluruhan inbois selepas ditolak amaun geran yang diberikan di bawah Inisiatif ini bagi setiap Perkhidmatan Digital.</p> <p>e) Selepas pihak BSN menerima bukti pembayaran, pihak BSN akan membuat pembayaran terus Amaun tersebut kepada pembekal perkhidmatan secara penuh atau secara berperingkat mengikut budi bicara BSN.</p> <p>f) Peruntukan RM5,000.00 (Ringgit Malaysia Lima Ribu) tertakluk kepada sebarang arahan yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan Malaysia dari semasa ke semasa.</p> <p>g) PMKS hendaklah memastikan modul latihan serta lain-lain aktiviti pendigitalan yang telah ditetapkan oleh pembekal perkhidmatan dilaksanakan dengan sempurna.</p> <p>h) PMKS hendaklah mengemukakan bukti pengaktifan pendigitalan (<i>Proof of Activation</i>) sekiranya diminta oleh BSN pada bila-bila masa.</p> <p>i) PMKS hendaklah memastikan proses perlaksanaan Perkhidmatan Digital yang dibiayai oleh Inisiatif ini</p>
--	---

TERMA DAN SYARAT GERAN DIGITAL PERUSAHAAN MIKRO, KECIL DAN SEDERHANA (PMKS) MADANI (GDPM)

		<p>dilaksanakan sepenuhnya.</p> <p>j) Semasa mengambil bahagian di dalam Inisiatif ini, kepentingan untuk menjaga nama baik PMKS, pihak BSN, MDEC, MCMC dan Kementerian Kewangan perlu dititikberatkan. PMKS dilarang sama sekali untuk terlibat di dalam aktiviti perniagaan yang tidak sah yang boleh mengganggu-gugat imej PMKS, pihak BSN, MDEC, MCMC dan Kementerian Kewangan.</p> <p>k) Sekiranya PMKS gagal mematuhi mana-mana syarat, pihak BSN dan MDEC akan mengambil tindakan sewajarnya dan nama syarikat akan disenarai hitam dari menyertai sebarang inisiatif pendigitalan yang dianjur oleh pihak BSN atau mana-mana agensi kerajaan yang lain.</p>
9	Terma Dan Syarat Am	<p>Dengan menyertai Inisiatif ini, PMKS bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat disini dan lain-lain terma dan syarat yang ditetapkan oleh BSN dan MDEC dari semasa ke semasa termasuk terma-terma berikut:</p> <p>a) PMKS bersetuju dan membenarkan butir-butir peribadi dan / atau maklumat syarikat termasuk tetapi tidak terhad kepada data peribadi atau maklumat dikumpulkan, diproses dan digunakan oleh BSN dan MDEC dan/atau sekutu berkenaan dengannya dan/atau pihak ketiga yang dilantik oleh BSN atau MDEC, sekiranya ada, untuk tujuan Inisiatif ini termasuk tetapi tidak terhad kepada tujuan-tujuan berikut:</p> <p>i. untuk menggunakan dan menzahirkan sebarang data peribadi atau maklumat PMKS seperti yang diberikan kepada BSN untuk tujuan Inisisatif ini selaras dengan Polisi Privasi BSN, yang boleh didapati di laman web</p>

**TERMA DAN SYARAT GERAN DIGITAL PERUSAHAAN MIKRO, KECIL DAN
SEDERHANA (PMKS) MADANI (GDPM)**

	<p>BSN di www.bsn.com.my ("Laman Web BSN"); atau</p> <ul style="list-style-type: none"> ii. untuk mematuhi undang-undang, peraturan, polisi dan garis panduan yang ditetapkan oleh Kerajaan Malaysia dan badan penyelia; atau iii. untuk mematuhi perintah atau arahan Mahkamah; atau iv. untuk mengesahkan status PMKS atau akaun PMKS dengan mana-mana pihak ketiga (jika berkenaan); atau v. untuk melindungi dan mempertahankan BSN dan aset BSN; atau vi. lain-lain tujuan berkaitan perkhidmatan atau pemakluman BSN. <p>b) Sekiranya terdapat sebarang percanggahan antara Terma dan Syarat di sini dengan terma dan syarat di bawah Polisi Privasi BSN, terma dan syarat di bawah Polisi Privasi BSN akan diguna pakai.</p> <p>c) PMKS memberi kuasa kepada BSN atau MDEC untuk mendapatkan sebarang maklumat daripada mana-mana pihak, organisasi, pihak berkuasa, syarikat, korporat atau mana-mana entiti lain yang BSN atau MDEC anggap bersesuaian berkaitan dengan akaun PMKS dan membenarkan pendedahan tersebut oleh pihak tersebut, jika berkaitan.</p> <p>d) PMKS yang layak mempunyai hak pada bila-bila masa untuk:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Menarik balik kebenaran yang diberikan untuk menggunakan Data Peribadi; ii. Meminta apa-apa pembetulan dilakukan / mengemaskini Data Peribadi; dan
--	---

TERMA DAN SYARAT GERAN DIGITAL PERUSAHAAN MIKRO, KECIL DAN SEDERHANA (PMKS) MADANI (GDPM)

	<p>iii. Bertanyakan sebarang pertanyaan mengenai penggunaan Data Peribadi; dengan menghubungi BSN.</p> <p>e) PMKS bersetuju penarikan balik kebenaran untuk menggunakan data peribadi mungkin menjelaskan penyertaan Inisiatif ini dan oleh itu BSN mempunyai hak untuk menghentikan atau membatalkan penyertaan Inisiatif ini oleh PMKS yang dikaitkan dengan data peribadi tersebut dengan memberikan notis kepada PMKS.</p> <p>f) PMKS memberi kebenaran kepada BSN atau MDEC untuk menerbitkan atau memaparkan nama, gambar atau lain-lain maklumat PMKS untuk tujuan pengiklanan dan promosi semasa dan akan datang dalam apa-apa cara yang difikirkan sesuai oleh BSN atau MDEC dan/atau penyedia perkhidmatan yang diberikuasa oleh BSN atau MDEC.</p> <p>g) Dalam apa keadaan sekalipun, BSN, MDEC dan MCMC tidak akan bertanggungjawab dan/atau mempunyai tanggungan terhadap sebarang kerugian (termasuk tetapi tidak terhad kepada kehilangan pendapatan, keuntungan atau nama baik, secara langsung atau tidak langsung, sampingan, berbangkit, teladan, punitif atau ganti rugi khas mana-mana pihak termasuk pihak ketiga) yang timbul sama ada dalam kontrak, kecuaian atau sebaliknya, berkaitan dengan Inisiatif.</p> <p>h) BSN, MDEC dan MCMC tidak akan bertanggungjawab dan/atau mempunyai tanggungan dan juga tidak menerima sebarang liabiliti dalam apa-apa bentuk dan bagaimana sekalipun timbul atau dialami oleh PMKS yang layak yang</p>
--	---

**TERMA DAN SYARAT GERAN DIGITAL PERUSAHAAN MIKRO, KECIL DAN
SEDERHANA (PMKS) MADANI (GDPM)**

	<p>diakibatkan secara langsung atau tidak langsung dalam menyertai Inisiatif ini atau sebaliknya.</p> <ul style="list-style-type: none"> i) BSN, MDEC dan MCMC tidak akan bertanggungjawab terhadap apa-apa kemungkiran obligasi di bawah Inisiatif ini disebabkan oleh kejadian <i>force majeure</i> yang termasuk tetapi tidak terhad kepada bencana alam, perang, rusuhan, sekat masuk, tindakan perindustrian, epidemik, pandemik, kebakaran, banjir, kemarau, ribut atau sebarang kejadian di luar kawalan munasabah BSN, MDEC dan MCMC. j) BSN berhak mengikut budi bicara mutlaknya untuk meminda, mengubah, membatal atau menambah mana-mana Terma dan Syarat ini, keseluruhan atau sebahagian, tertakluk kepada sebarang perubahan dasar kerajaan dengan memberikan notis awal sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari kalender sebelum pindaan, perubahan, pembatalan atau penambahan tersebut melalui makluman di mana-mana kaedah komunikasi yang BSN, MDEC dan MCMC fikirkan sesuai. k) PMKS yang layak hendaklah mengakses laman web BSN di www.mybsn.com.my dari semasa ke semasa untuk memastikan PMKS yang layak sentiasa mengikuti apa-apa perubahan atau pindaan yang dibuat kepada Terma dan Syarat. l) Sebarang pindaan, perubahan, pembatalan atau penambahan kepada Terma dan Syarat ini akan mengikat PMKS yang layak dan dianggap sebagai telah dibawa ke perhatian dan pengetahuan semua PMKS yang layak melalui paparan di BSN, MDEC dan MCMC atau melalui
--	---

**TERMA DAN SYARAT GERAN DIGITAL PERUSAHAAN MIKRO, KECIL DAN
SEDERHANA (PMKS) MADANI (GDPM)**

	<p>notis yang dihantar oleh BSN, MDEC dan MCMC atau pengiklanan di laman media sosial BSN, MDEC dan MCMC atau mana-mana cara lain yang BSN, MDEC dan MCMC fikirkan sesuai. BSN atau MDEC tidak akan bertanggungjawab atau menerima sebarang liabiliti akibat perubahan tersebut yang secara langsung atau tidak langsung ditanggung oleh PMKS yang menyertai Inisiatif ini.</p> <p>m) Sekiranya terdapat percanggahan antara Terma dan Syarat Inisiatif ini dengan bahan pengiklanan, promosi, publisiti dan bahan-bahan lain berkaitan atau bersabit dengan Inisiatif ini, maka Terma dan Syarat ini akan diutamakan. Sebarang perkara mengenai Inisiatif yang tidak dinyatakan di dalam Terma dan Syarat adalah bergantung kepada budi bicara mutlak pihak BSN dan MDEC.</p> <p>n) Sebarang kos yang dikeluarkan dalam menyertai Inisiatif ini adalah di bawah tanggungjawab PMKS.</p> <p>o) Terma dan Syarat ini adalah tertakluk kepada dan ditafsir selaras dengan undang-undang Malaysia dan tertakluk kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah Malaysia.</p>
--	---